

Protecting your home and your loved ones should the unforeseen happen

Takaful Reducing Term Cover for
Home Financing



HSBC Amanah

The benefit(s) payable under eligible product is(are) protected by PIDM up to limits. Please refer to PIDM's TIPS Brochure or contact FWD Takaful or PIDM (visit www.pidm.gov.my).

FWD Takaful Berhad is a member of PIDM.

Takaful Reducing Term Cover for Home Financing

Easing your family's financial burden should the unforeseen happen



A home is a basic necessity for any family. Takaful Reducing Term Cover for Home Financing has been designed to complement your home financing account. It works by paying the Reducing Sum Covered in the event of Death or Total and Permanent Disability during the financing term, thereby easing the financial burden of your loved ones.

As this plan is designed specifically for HSBC home financing clients, the following conditions apply:

- i. You are required to assign the Takaful Certificate to HSBC Amanah, in order to facilitate settlement of the financing in the event of Death or TPD. Nonetheless, you can cancel your Takaful Certificate within the free-look period or Surrender the Takaful Certificate at any time.
- ii. The Initial Sum Covered and the term of the Takaful Certificate will be matched to the initial financing amount and tenure of the financing, respectively.
- iii. The Reducing Sum Covered is generally expected to be sufficient to cover your declining outstanding home financing balances. However, there may be instances where the Sum Covered will not be sufficient to cover the declining outstanding home financing balances. Please consult our Relationship Managers for more information.
- iv. Third party application or cover is not available. The Participant and the Covered Person must be the same person.
- v. Upon early settlement of your home financing, you may choose to continue with this plan or terminate your Takaful Certificate.
- vi. In the event of Death or Total and Permanent Disability, the benefits shall be payable HSBC Amanah as assignee.
- vii. If you have made full settlement of your financing, you may opt to continue with the plan and nominate a nominee to receive the Sum Covered should you pass away.
- viii. Upon acceptance of the proposal by the Takaful Operator and successful collection of your initial contribution, your protection under this plan will commence after the first draw down of your financing.

Why Takaful Reducing Term Cover for Home Financing?

▶ Regular Contribution

This plan offers monthly, quarterly, semi-annually and annual regular contribution options. Unlike usual mortgage protection plans, Takaful Reducing Term Cover does not reduce your mortgage's margin of financing so that the margin can be utilised solely to acquire the property of your choice.

▶ Death and Total and Permanent Disability (TPD)

In the event of Death or Total and Permanent Disability¹, the Reducing Sum Covered and Account Value² will be payable.

▶ Potential Surplus Distribution

You are entitled to potential surplus in the Family Risk Fund (if any) which will be allocated to your Account Value annually.

▶ Maturity Benefit

Your Account Value will be paid out upon maturity provided your Takaful Certificate is in force³. However, there will be no amount paid from the Family Risk Fund.

▶ Income Tax Information

The benefits paid out under this plan are tax-free and the contributions made may be eligible for tax relief under the Income Tax Act 1967. Please check with your tax adviser on your eligibility and this is subject to final decision by the Inland Revenue Board.

¹ TPD Coverage is applicable only where the TPD occurred before the Takaful Certificate's anniversary following the Covered Person's 65th birthday. Terms and Conditions apply.

² Account Value is the amount of your entitlement in respect of the Participant Fund (if any).

Want to know more?

Call 1300 80 2626

Click hsbcamanah.com.my

Visit your nearest HSBC Amanah branch

Other Information

Eligibility

You can participate in this plan if you are between 18 and 65 years old (based on age at your last birthday).

Level Period

If the property you intend to purchase is still under construction, you must include a Level Period of either One, Two or Three Years during which period, the Sum Covered remains level.

Contribution Payable

The contribution you have to make depends on your entry age, initial Sum Covered, certificate term and underwriting assessment.

The contribution payable is not guaranteed and may be revised at the next Takaful Certificate anniversary and 3 months' notice in writing will be given before any revision.

In the event that you stop paying the regular contribution and provided your Account Value is sufficient, we will use your Account Value to pay for the monthly Tabarru' and monthly service fee until your Account Value is exhausted and thereafter Takaful coverage shall cease.

Participant Fund

Participant Fund is the investment fund managed and administered by Takaful Operator for the purpose of this Takaful

Certificate. The contribution you made less Wakalah Fee will be allocated into your Participant Fund. The investment risk of this Participant Fund will be borne solely by you and any profits or losses will be reflected in your Account Value. The investment return of the Participant Fund will be based on its actual performance and is not guaranteed. As a reward for managing and administering the Participant Fund, the Takaful Operator is entitled to an incentive which comprises 10% of any profits in respect of this fund.

Family Risk Fund

A monthly Tabarru' will be deducted from your Account Value and credited to the Family Risk Fund from which the protection benefits are paid. 50% of any surplus distributable will be distributed among eligible Participants and your entitlement will be allocated yearly into your Account Value. The balance will be distributed to Takaful Operator as a reward for managing and administering the Family Risk Fund.

Surrender

In the event of surrender, the amount of your Account Value will be payable (if any)³. There will be no amount payable from the Family Risk Fund. The coverage under your Takaful Certificate will cease and the amount payable to you is very likely to be low in proportion to the total contributions you have made.

³ If the Maturity Benefit or the Surrender Value is RM20 or lower, it will be donated on your behalf to selected charitable purposes as approved by the Takaful Operator's Shariah Committee.



Fees and Charges

Description	Fees and Charges
Wakalah Fee (Agency Fee)	A portion of the Wakalah Fee will be used to pay commission to the intermediaries. Wakalah Fee is 15% of the contribution amount made throughout the Takaful Certificate Term.
Monthly Tabarru' (Donation)	Tabarru' shall be deducted monthly in advance from your Account Value. Tabarru' rates are not level and are based on attained age.
Monthly Service Fee	A monthly service fee of RM10 shall be deducted monthly in advance from your Account Value. The amount is subject to applicable tax chargeable on the fee.
Stamp Duty	A one-time stamp duty of RM10 for the Certificate and an additional RM10 for Assignment of Certificate, will be borne by you, to be paid with your initial contribution.

Please refer to the Product Illustration provided and do consult our Relationship Managers on the specific fees and charges.

The Takaful Operator may revise the fees and charges provided that at least 3 months notice in writing is given before any revision.

Exclusions

Only Account Value will be payable if death is due to suicide, whether whilst sane or insane, within 12 months from the issue date or reinstatement date of the Takaful Certificate, whichever is later.

TPD Benefit will not be payable in respect of any condition/injury/event which is directly or indirectly caused by among others, attempted suicide, self-inflicted injury or illness, military service, private aviation activities, alcohol or substance abuse and hazardous activities such as but not limited to hang-gliding, mountaineering and other similar activities.

The list of exclusions is not exhaustive and reference should be made to the comprehensive list contained in the Takaful Certificate.

Frequently Asked Questions

1. How long do I have to wait to receive benefits in the event of claim?

The benefits payable are Reducing Sum Covered and Account Value. For death claim, the benefits are payable after submission of the claim and all necessary documents to the Takaful Operator. For TPD claim, the benefits are payable, if the disability persist for at least 6 months. The approved claim will be paid after the 6 months period and upon submission of all required documents. For details on the Terms and Conditions, please refer to the Takaful Certificate.

2. Are there any conditions to be eligible?

Yes, you will need to answer Health Questions. Answering “Yes” to these questions does not necessarily mean your application won’t be approved. It simply means you will be contacted for more information.

3. I have other family Takaful/life insurance products. Why do I need this protection for my home financing?

Takaful Reducing Term Cover for Home Financing has been designed to pay the Reducing Sum Covered in the event of your death or TPD during the Takaful Term. With Takaful Reducing Term Cover for Home Financing, you will help to ease the financial burden of your loved ones. The benefits from your other family Takaful/life insurance can be used by your loved ones for your intended purposes.

4. Can I participate in this plan if I do not have any HSBC Home Financing or HSBC Amanah Home Financing-i?

No, this plan is designed specifically for HSBC Home Financing or Home Financing-i clients only.

Note: The information in this brochure is not a Takaful contract and is only a brief summary for quick and easy reference. The precise Terms and Conditions that apply are stated in the Takaful Certificate.

Important Notes

You should satisfy yourself that the plan that you intend to participate in will best serve your needs and that the contribution prescribed for this plan is an amount you can afford.

You may review the suitability of this plan and may cancel your participation within 15 days from the date of delivery of the Takaful Certificate (“free-look period”) to you. On cancellation within the free-look period FWD Takaful Berhad, Registration No. 200601011780 (731530-M)) (“Takaful Operator”) will refund your total contribution made (if any), less any medical examination fee. HSBC Amanah Malaysia Berhad 200801006421 (807705-X) (“HSBC Amanah”) believe it is important that you fully appreciate and understand all the benefits and charges under your Takaful Certificate.

This plan is managed by FWD Takaful Berhad (formerly known as HSBC Amanah Takaful (Malaysia) Berhad) with it’s principal place of business at Level 21, Mercu 2, No. 3, Jalan Bangsar, KL Eco City, 59200 Kuala Lumpur. FWD Takaful Berhad is licensed under the Islamic Financial Services Act 2013 and is regulated by Bank Negara Malaysia. HSBC Amanah Malaysia Berhad is the intermediary in the distribution of this plan in Malaysia and may be remunerated/paid a commission by FWD Takaful Berhad. Products and services referred to in this brochure are offered in Malaysia only.

Use of Information and Materials

The information contained in this brochure is not intended to provide professional advice. You should obtain appropriate professional advice when necessary.

This brochure is for general information only and is not to be construed as a Takaful contract and no consideration has been given to the particular circumstances or needs of any person. You should read the Product Disclosure Sheet and Product Illustration for more information and the Takaful Certificate for the complete Terms and Conditions of this plan.

Should you require additional information about Family Takaful, please refer to the insuranceinfo booklet on ‘Family Takaful’ and ‘Medical and Health Takaful’ or visit www.insuranceinfo.com.my

In the unlikely event of conflict between the English and Malay versions of the content of this document, the English version shall prevail.

No warranties

Whilst every care has been taken in preparing the information and materials contained in this brochure, such information and materials are provided “as is” without warranty of any kind, either expressed or implied, in particular, no warranty regarding non-infringement, security, accuracy, fitness for a purpose is given in connection with such information and materials.

Limitation of liability

To the fullest extent permitted by law, in no event will HSBC Amanah be liable for any damages, including without limitation to direct or indirect, special, incidental or consequential damages, losses or expenses arising in connection with this brochure or use thereof.

Perlindungan untuk rumah anda dan orang yang tersayang untuk situasi yang tidak dijangka

Takaful Reducing Term Cover untuk
pembiayaan perumahan



HSBC Amanah

Manfaat-manfaat yang dibayar di bawah produk yang layak adalah dilindungi oleh PIDM sehingga had perlindungan. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans PIDM atau hubungi FWD Takaful atau PIDM (layari www.pidm.gov.my).

FWD Takaful Berhad ialah ahli PIDM.

Takaful Reducing Term Cover untuk pembiayaan perumahan

Meringankan beban kewangan keluarga anda untuk situasi yang tidak dijangka



Rumah merupakan keperluan asas untuk mana-mana keluarga. Takaful Reducing Term Cover untuk pembiayaan perumahan direka untuk melengkapi pembiayaan perumahan anda. Perlindungan ini membayar Jumlah Perlindungan Berkurangan sekiranya berlaku Kematian atau Hilang Upaya Penuh dan Kekal yang tidak diduga semasa tempoh pembiayaan, seterusnya meringankan beban kewangan orang yang tersayang.

Oleh sebab pelan ini direka secara khusus untuk pelanggan pembiayaan perumahan HSBC, syarat-syarat berikut dikenakan:

- i. Anda dikehendaki mendaftar Sijil Takaful dengan HSBC Amanah bagi menyediakan penyelesaian pembiayaan sekiranya berlaku Kematian atau HUPK. Walau bagaimanapun, anda boleh membatalkan Sijil Takaful anda dalam tempoh percubaan atau menyerahkan Sijil Takaful pada bila-bila masa.
- ii. Jumlah Perlindungan Permulaan akan dipadankan dengan amaun pembiayaan permulaan dan tempoh Sijil Takaful akan dipadankan dengan tempoh pembiayaan.
- iii. Jumlah Perlindungan Berkurangan, secara amnya, adalah cukup untuk menampung baki pembiayaan perumahan tertunggak anda yang semakin berkurangan. Walau bagaimanapun, ada kemungkinan di mana Jumlah Perlindungan tidak mencukupi untuk membayar baki tersebut. Sila hubungi Pengurus Perhubungan kami untuk maklumat lanjut.
- iv. Permohonan atau perlindungan pihak ketiga tidak disediakan. Hanya individu yang sama yang boleh menjadi kedua-dua Peserta dan Orang Dilindungi.
- v. Sekiranya pembiayaan perumahan dilangsaikan lebih awal, anda boleh memilih untuk meneruskan pelan ini atau menamatkan Sijil Takaful anda.
- vi. Sekiranya berlaku Kematian atau Hilang Upaya Penuh dan Kekal, manfaat akan dibayar kepada HSBC Amanah sebagai pemegang serah hak.
- vii. Jika anda telah membuat penyelesaian penuh bagi pembiayaan anda, anda boleh memilih untuk meneruskan pelan ini dan melantik penama untuk menerima Jumlah Perlindungan sekiranya anda meninggal dunia.
- viii. Selepas Pengendali Takaful menerima borang cadangan dan sumbangan permulaan, perlindungan anda di bawah pelan ini akan bermula selepas pengeluaran pertama pembiayaan anda.

Kenapa memilih Takaful Reducing Term Cover untuk Pembiayaan Perumahan?

▶ Sumbangan Berkala

Pelan ini menawarkan pilihan sumbangan berkala bulanan, suku tahunan, separuh tahunan dan tahunan. Tidak seperti pelan perlindungan gadai janji yang biasa, Takaful Reducing Term Cover tidak mengurangkan margin pembiayaan gadai janji anda supaya margin ini boleh digunakan hanya untuk membeli harta tanah pilihan anda.

▶ Manfaat Kematian & Hilang Upaya Penuh dan Kekal (HUPK)

Apabila anda meninggal dunia atau mengalami Hilang Upaya Penuh dan Kekal¹, Jumlah Perlindungan Berkurangan dan Nilai Akaun² akan dibayar.

▶ Potensi Pengagihan Lebihan

Anda akan menerima lebihan yang boleh diagihkan daripada Dana Risiko Keluarga (jika ada) yang akan diperuntukkan setiap tahun ke dalam Nilai Akaun anda.

▶ Manfaat Kematangan

Nilai Akaun anda akan dibayar apabila sijil anda matang ketika Sijil Takaful anda masih berkuatkuasa³. Walau bagaimanapun, tiada jumlah yang dibayar daripada Dana Risiko Keluarga.

▶ Maklumat Cukai Pendapatan

Manfaat yang dibayar di bawah pelan ini adalah bebas cukai dan sumbangan mungkin layak menerima pelepasan cukai di bawah Akta Cukai Pendapatan 1967. Sila semak dengan penasihat cukai tentang kelayakan cukai anda. Kelayakan ini tertakluk pada keputusan muktamad oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri.

¹ Perlindungan HUPK hanya terpakai apabila HUPK berlaku sebelum ulang tahun Sijil Takaful selepas hari lahir ke-65 Orang Dilindungi. Tertakluk terma dan syarat.

² Nilai Akaun ialah jumlah kelayakan anda berhubung dengan Dana Peserta (jika ada).

Ingin tahu lebih lanjut?

Hubungi 1300 80 2626

Klik hsbcamanah.com.my

Kunjungi cawangan HSBC Amanah berhampiran anda

Maklumat lain

Kelayakan

Anda boleh menyertai pelan ini jika anda berumur antara 18 dan 65 tahun (berdasarkan umur pada hari lahir terakhirnya).

Tempoh Datar

Jika harta tanah yang anda berhasrat untuk membeli masih dalam pembinaan, anda perlu menyatakan Tempoh Mendatar sama ada Satu, Dua atau Tiga Tahun di mana dalam tempoh ini Jumlah Perlindungan kekal mendatar.

Sumbangan Dibayar

Sumbangan yang anda perlu bayar bergantung pada umur penyertaan anda, Jumlah Perlindungan permulaan, tempoh sijil dan penilaian pengunderaitan.

Sumbangan yang perlu dibayar tidak dijamin dan mungkin disemak semula pada ulang tahun Sijil Takaful berikutnya dan notis 3 bulan secara bertulis akan diberikan sebelum sebarang semakan semula.

Sekiranya anda berhenti membayar sumbangan berkala dan Nilai Akaun anda mencukupi, kami akan menggunakan Nilai Akaun ini untuk membayar Tabarru' bulanan dan fi perkhidmatan bulanan sehingga Nilai Akaun anda habis dan selepas itu perlindungan Takaful akan tamat.

Dana Peserta

Dana Peserta ialah dana pelaburan yang diurus dan ditadbir oleh Pengendali Takaful untuk Sijil Takaful ini. Sumbangan yang anda berikan, selepas ditolak Yuran Wakalah akan diperuntukkan ke dalam Dana Peserta. Risiko pelaburan Dana Peserta ini akan ditanggung sepenuhnya oleh anda dan sebarang keuntungan atau kerugian akan ditunjukkan dalam Nilai Akaun anda. Pulangan pelaburan Dana Peserta adalah berdasarkan prestasi sebenar dan tidak dijamin. Sebagai ganjaran untuk mengurus dan mentadbir Dana Peserta, Pengendali Takaful berhak mendapat insentif bersamaan 10% daripada apa-apa keuntungan berkaitan dengan Dana Peserta.

Dana Risiko Keluarga

Tabarru' bulanan akan ditolak dari Nilai Akaun anda dan dipindahkan ke Dana Risiko Keluarga yang mana manfaat perlindungan dibayar. 50% daripada lebihan boleh agih akan diagihkan di kalangan peserta yang layak dan bahagian anda akan diperuntukkan ke dalam Dana Peserta anda pada setiap tahun. Baki akan diagihkan kepada Pengendali Takaful sebagai ganjaran untuk mengurus dan mentadbir Dana Risiko Keluarga.

Penyerahan

Jika penyerahan dibuat, jumlah Nilai Akaun anda akan dibayar (jika ada)³. Tiada jumlah yang dibayar daripada Dana Risiko Keluarga. Perlindungan di bawah Sijil Takaful anda akan tamat dan amaun yang dibayar kepada anda mungkin kurang mengikut jumlah sumbangan yang telah anda bayar.

³ Jika Manfaat Kematangan atau Nilai Serahan berjumlah RM20 atau ke bawah, jumlah tersebut akan didermakan bagi pihak anda kepada badan kebajikan terpilih yang diluluskan oleh Jawatankuasa Syariah Pengendali Takaful.



Fi dan Caj

Penerangan	Fi dan Caj
Yuran Wakalah	Sebahagian daripada Yuran Wakalah akan digunakan untuk membayar komisen kepada perantara. Yuran Wakalah adalah sebanyak 15% daripada jumlah sumbangan yang dibuat sepanjang Tempoh Sijil Takaful.
Tabarru' Bulanan (Derma)	Tabarru' ditolak secara bulanan daripada Nilai Akaun anda. Kadar Tabarru' adalah tidak tetap dan berdasarkan umur yang dicapai.
Fi Perkhidmatan Bulanan	Fi perkhidmatan bulanan sebanyak RM10 akan ditolak setiap bulan terlebih dahulu daripada Nilai Akaun anda. Amaun ini tertakluk kepada cukai berkenaan yang dikenakan kepada fi.
Duti Setem	Anda perlu membayar duti setem satu kali sebanyak RM10 bagi Sijil dan tambahan RM10 untuk Penyerahan Hak Sijil akan anda tanggung dan dibayar bersama sumbangan pertama anda.

Sila rujuk Ilustrasi Produk yang disediakan dan dapatkan nasihat Pengurus Perhubungan kami tentang fi dan caj yang tertentu.

Pengendali Takaful boleh menyemak semula fi dan caj dengan syarat notis bertulis sekurang-kurangnya 3 bulan diberikan kepada para Peserta.

Pengecualian

Hanya Nilai Akaun akan dibayar jika kematian disebabkan oleh bunuh diri, sama ada semasa waras atau tidak waras, dalam masa 12 bulan selepas tarikh dikeluarkan atau tarikh penyambungan semula Sijil Takaful, yang mana kemudian.

Manfaat HUPK tidak dibayar berkaitan dengan sebarang keadaan/kecederaan/kejadian yang secara langsung atau tidak langsung disebabkan oleh percubaan membunuh diri, kecederaan atau penyakit yang dilakukan sendiri, khidmat ketenteraan, perbuatan jenayah, aktiviti penerbangan swasta, alkohol atau penyalahgunaan bahan, dan aktiviti berbahaya seperti, tetapi tidak terhad, kepada geluncur angin, mendaki gunung dan seumpamanya.

Senarai pengecualian tidak lengkap dan sila rujuk kepada Sijil Takaful untuk senarai penuh pengecualian.

Soalan Lazim

1. Berapa lama saya perlu menunggu untuk menerima manfaat jika tuntutan dibuat?

Manfaat yang dibayar ialah Jumlah Perlindungan Berkurangan dan Nilai Akaun. Untuk tuntutan kematian, manfaat dibayar selepas penyerahan borang tuntutan dan semua dokumen yang diperlukan kepada Pengendali Takaful. Bagi tuntutan HUPK, manfaat dibayar jika hilang upaya berterusan sekurang-kurangnya selama 6 bulan. Tuntutan yang diluluskan akan dibayar selepas tempoh 6 bulan dan apabila semua dokumen yang diperlukan diserahkan. Untuk butiran tentang Terma dan Syarat, sila rujuk Sijil Takaful.

2. Adakah terdapat sebarang syarat untuk layak?

Ya, anda perlu menjawab Soalan-Soalan Kesihatan. Menjawab “Ya” kepada soalan-soalan ini tidak semestinya permohonan anda tidak akan diluluskan. Ini hanya bermakna anda akan dihubungi untuk maklumat lanjut.

3. Saya ada produk Takaful keluarga/insurans hayat yang lain. Kenapakah saya perlu ada perlindungan ini untuk pembiayaan perumahan saya?

Takaful Reducing Term Cover untuk Pembiayaan Perumahan telah direka untuk membayar Jumlah Perlindungan Berkurangan sekiranya anda meninggal dunia atau HUPK semasa Tempoh Takaful. Dengan Takaful Reducing Term Cover untuk Pembiayaan Perumahan, anda dapat membantu meringankan beban kewangan orang tersayang. Manfaat-manfaat daripada Takaful keluarga/insurans hayat yang lain boleh digunakan oleh orang tersayang anda bagi tujuan yang anda rancang.

4. Bolehkah saya menyertai pelan ini jika saya tidak memiliki HSBC Home Financing atau HSBC Amanah Home Financing-i?

Tidak boleh. Pelan ini direka khusus untuk pelanggan HSBC Home Financing atau Home Financing-i sahaja.

Nota: Maklumat yang terkandung dalam brosur ini bukan kontrak Takaful dan hanya sebagai ringkasan untuk rujukan pantas dan mudah. Terma dan Syarat yang terperinci dinyatakan dalam Sijil Takaful.

Nota Penting

Anda patut berpuas hati bahawa pelan yang anda bercadang untuk menyertai boleh memenuhi keperluan anda dan sumbangan yang dinyatakan untuk pelan ini ialah jumlah yang mampu dibayar oleh anda.

Anda boleh meneliti kesesuaian pelan dan boleh membatalkan penyertaan anda dalam tempoh 15 hari dari tarikh penghantaran Sijil Takaful (“tempoh percubaan”) kepada anda. Jika anda membatalkan sijil anda dalam tempoh percubaan, FWD Takaful Berhad, Registration No. 200601011780 (731530-M) (“Pengendali Takaful”) akan membayar balik jumlah sumbangan anda selepas menolak sebarang fi pemeriksaan perubatan. HSBC Amanah Malaysia Berhad 200801006421 (807705-X) (“HSBC Amanah”) percaya adalah penting untuk anda benar-benar menghargai dan memahami semua manfaat dan caj di bawah Sijil Takaful anda.

Pelan ini diuruskan oleh FWD Takaful Berhad dengan tempat perniagaan utama di Tingkat 21, Mercu 2, No. 3, Jalan Bangsar, KL Eco City, 59200 Kuala Lumpur. FWD Takaful Berhad dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia. HSBC Amanah Malaysia Berhad ialah perantara dalam pengagihan pelan ini di Malaysia dan mungkin diberi imbuhan/dibayar komisen oleh FWD Takaful Berhad. Produk dan perkhidmatan yang dirujuk dalam risalah ini ditawarkan di Malaysia sahaja.

Penggunaan Maklumat dan Bahan

Maklumat yang terkandung dalam brosur ini bukan bertujuan untuk memberi nasihat profesional. Anda perlu mendapatkan nasihat profesional yang sesuai jika perlu.

Brosur ini adalah untuk maklumat am sahaja dan tidak boleh dianggap sebagai kontrak Takaful dan tiada pertimbangan diberikan kepada keadaan atau keperluan tertentu mana-mana individu. Anda perlu membaca Lampiran Pendedahan Produk dan Ilustrasi Produk untuk maklumat lanjut dan Sijil Takaful untuk Terma dan Syarat yang lengkap bagi pelan ini.

Jika anda memerlukan maklumat tambahan tentang Takaful Keluarga, sila rujuk buku kecil *insuranceinfo* tentang ‘Takaful Keluarga’ dan ‘Takaful Perubatan dan Kesihatan’ atau layari www.insuranceinfo.com.my

Sekiranya terdapat sebarang percanggahan antara versi Bahasa Inggeris dengan versi Bahasa Melayu bagi kandungan dokumen ini, versi Bahasa Inggeris hendaklah diguna pakai.

Tiada jaminan

Walaupun segala perhatian telah diambil dalam menyediakan maklumat dan bahan yang terkandung dalam brosur ini, maklumat dan bahan tersebut disediakan “sebagaimana adanya” tanpa sebarang waranti, sama ada tersurat mahupun tersirat. Khususnya, tiada waranti tentang bukan pelanggaran, keselamatan, ketepatan, kesesuaian untuk sesuatu tujuan diberikan berkaitan dengan maklumat dan bahan tersebut.

Had liabiliti

Setakat yang dibenarkan oleh undang-undang, HSBC Amanah tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang kerosakan, termasuk tanpa had terhadap kerosakan langsung atau tidak langsung, khas, sampingan atau lanjutan, kerugian atau perbelanjaan yang timbul berkaitan dengan brosur ini atau penggunaannya.

